



## BAB 1

# Gambaran Keseluruhan Global Prestasi PMKS

## Bab 1

# Gambaran Keseluruhan Global Prestasi PMKS

PMKS merupakan tonggak utama ekonomi global, merangkumi lebih daripada 90% perniagaan di seluruh dunia. Pengaruh mereka melangkap bilangan, membentuk landskap perniagaan melalui daya tahan dan kebolehsuaian yang luar biasa. PMKS bukan sekadar peserta dalam persekitaran perniagaan, tetapi merupakan pemacu utama penciptaan pekerjaan, eksport dan pertumbuhan ekonomi. PMKS mengemudi pelbagai cabaran dan memanfaatkan peluang yang ada untuk bangkit dalam pasaran yang sentiasa berkembang. Kesan mendalam tersebut menekankan peranan penting mereka dalam kemajuan dan kestabilan sesebuah negara, seterusnya menjadikan pembangunan PMKS sebagai keutamaan strategik bagi Kerajaan di seluruh dunia.

## PRESTASI PMKS DI RANTAU EROPAH

### Prestasi PMKS di Kesatuan Eropah

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) merupakan komponen asas dalam landskap perniagaan Kesatuan Eropah (European Union, EU). Didefinisikan sebagai perusahaan dengan kurang daripada 250 pekerja dan mempunyai sama ada hasil tahunan kurang daripada EUR50 juta atau jumlah kunci kira-kira sehingga EUR43 juta, PMKS memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi dan guna tenaga di seluruh EU. Pada tahun 2023, terdapat sejumlah 25.8 juta PMKS yang aktif di EU-27, mewakili 99.8% daripada kesemua firma dalam sektor perniagaan bukan kewangan (*non-financial business sector, NFBS*)<sup>[1]</sup>. Dari segi saiz, perusahaan mikro merupakan perusahaan yang paling meluas dengan 24.2 juta firma, atau majoriti 93.8% daripada keseluruhan populasi PMKS. Sementara itu, firma bersaiz kecil meliputi 1.4 juta perniagaan (5.4%) dan firma bersaiz sederhana mencakupi 0.2 juta (0.8%). Pecahan yang lebih terperinci dari segi taburan merentasi industri menunjukkan bahawa PMKS lebih tertumpu dalam sektor pembinaan (25.9%), diikuti oleh industri runcit (23.0%) dan pelancongan (14.9%).

**Jadual 1.1:** Bilangan Pertubuhan, Nilai Ditambah dan Guna Tenaga mengikut Saiz Perniagaan pada Tahun 2023

Kategori	Pertubuhan		Nilai Ditambah		Guna Tenaga	
	Bilangan Firma	Sumbangan (%)	Nilai (EUR bilion)	Sumbangan (%)	Bilangan Pekerja	Sumbangan (%)
Mikro	24,209,297	93.6	1,799	19.8	40,803,310	30.0
Kecil	1,387,888	5.4	1,527	16.8	26,770,763	19.7
Sederhana	210,551	0.8	1,512	16.6	21,156,339	15.5
<b>Jumlah PMKS</b>	<b>25,807,736</b>	<b>99.8</b>	<b>4,839</b>	<b>53.1</b>	<b>88,730,412</b>	<b>65.2</b>
Firma Besar	43,420	0.2	4,265	46.9	47,355,823	34.8

Sumber: Laporan Tahunan PKS Eropah 2023/2024, Julai 2024



Meskipun profil adalah menggalakkan, namun prestasi PMKS di EU-27 menghadapi cabaran pada tahun 2023 susulan keadaan ekonomi keseluruhan. Pertumbuhan ekonomi keseluruhan EU adalah lemah dengan hanya berkembang sebanyak 0.5%, terutamanya disebabkan oleh inflasi yang melambung tinggi. Persekitaran makroekonomi ini memberi kesan yang negatif kepada prestasi PMKS, dengan nilai ditambah benar PMKS di EU-27 menyusut sebanyak 1.6% kepada EUR4,839 bilion pada tahun 2023. Melihat kepada prestasi mengikut saiz perniagaan, perusahaan mikro memperlihatkan daya tahan yang tinggi dengan penyusutan mereka terbatas kepada hanya 0.4%, berkemungkinan disebabkan oleh ketangkasan dan pemulihian daripada kejutan ekonomi yang lebih cepat. Sebaliknya, PMKS bersaiz kecil mengalami penurunan yang paling ketara sebanyak 2.4%, manakala PMKS bersaiz sederhana mencatatkan kemerosotan sebanyak 2.2%. Secara keseluruhan, PMKS menyumbang lebih daripada separuh (53.1%) kepada ekonomi rantau ini.

Melihat kepada aspek tenaga kerja, terdapat trend yang positif dalam guna tenaga merentasi seluruh rantau EU-27 dengan PMKS menggaji 88.7 juta pekerja pada tahun 2023, meningkat sebanyak 1.8%. Guna tenaga PMKS juga berkembang merentasi keseluruhan industri, dengan peningkatan yang ketara terutamanya dalam industri pelancongan dan digital. Secara keseluruhan, PMKS menyumbang sebanyak 65.2% kepada jumlah guna tenaga di EU-27 pada tahun 2023. Meskipun mempunyai peranan penting dalam penciptaan pekerjaan, PMKS terus menghadapi cabaran dari segi produktiviti. Pertumbuhan produktiviti PMKS masih ketinggalan berbanding syarikat yang lebih besar, lantas menekankan keperluan langkah bersasar bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing mereka dalam landskap ekonomi yang semakin berkembang.

Melihat kepada aspek tenaga kerja, terdapat trend yang positif dalam guna tenaga merentasi seluruh rantau EU-27 dengan PMKS menggaji 88.7 juta pekerja pada tahun 2023, meningkat sebanyak 1.8%. Guna tenaga PMKS juga berkembang merentasi keseluruhan industri, dengan peningkatan yang ketara terutamanya dalam industri pelancongan dan digital.


## Prestasi PMKS di United Kingdom

PMKS di United Kingdom (UK) secara umumnya ditakrifkan sebagai perniagaan yang menggaji pekerja kurang daripada 250 orang dan hasil tahunan kurang daripada GBP50 juta<sup>[2]</sup>. Pada tahun 2023, UK mempunyai sejumlah 5.5 juta PMKS, yang mewakili 99.9% daripada keseluruhan perniagaan yang beroperasi di negara tersebut<sup>[3]</sup>. Daripada jumlah ini, majoriti 5.3 juta adalah perusahaan mikro yang membentuk majoriti populasi sebanyak 95.3%, sejumlah 4.0% (222,785 firma) berada dalam kategori perusahaan kecil, manakala baki 0.7% (36,905 firma) diklasifikasikan sebagai perusahaan bersaiz sederhana. Dari segi pecahan sektor, industri pembinaan mempunyai bilangan PMKS yang terbesar (882,770 firma), mencakupi 15.9% daripada jumlah populasi PMKS. Selain itu, ramai PMKS terlibat dalam aktiviti profesional, saintifik & teknikal (770,475 firma atau 13.9%) serta dalam sektor perdagangan borong & runcit dan pemberian (546,395 firma atau 9.8%). Dominasi PMKS dalam ekonomi di UK menekankan peranan penting mereka dalam sektor perniagaan dan sumbangan penting yang disalurkan kepada landskap keseluruhan UK.



Dari segi prestasi, PMKS di UK menyumbang dengan ketara kepada hasil keseluruhan dan guna tenaga. Pada tahun 2023, PMKS mencatatkan hasil sebanyak GBP2,355.4 bilion, merangkumi 52.6% daripada jumlah hasil perniagaan di negara itu. Sektor borong & runcit muncul sebagai penyumbang tertinggi kepada hasil PMKS pada tahun 2023, dengan sumbangan yang ketara sebanyak 33.0%. Dominasi ini diikuti oleh sektor pembinaan yang berada di kedudukan kedua (11.7%), aktiviti profesional, saintifik & teknikal (11.1%), manakala sektor pembuatan berada di kedudukan keempat dengan 9.2%. Sementara itu, PMKS menggaji seramai 16.7 juta orang pada awal tahun 2023, yang membentuk 60.7% daripada jumlah guna tenaga di UK. Perusahaan mikro mendominasi landskap pekerjaan PMKS dengan menggaji seramai 8.8 juta pekerja (52.5% daripada guna tenaga PMKS), firma bersaiz kecil menggaji sekitar 4.3 juta pekerja (26.0%), manakala firma bersaiz sederhana menggaji 3.6 juta pekerja (21.5%). Statistik ini menekankan kepentingan PMKS sebagai penyedia peluang pekerjaan dan sumber kehidupan yang penting di seluruh negara.

**Carta 1.1:** Sumbangan PMKS dalam Pertubuhan, Hasil dan Guna Tenaga pada Awal Tahun 2023




Sumber: GOV.UK

## PRESTASI PMKS DI RANTAU ASIA

### Prestasi PMKS di Republik Korea

Berbeza dengan pendekatan yang diterapkan oleh kebanyakan negara lain, Republik Korea mentakrifkan PMKS terutamanya berdasarkan hasil berbanding bilangan pekerja. Menurut peraturan ditetapkan oleh negara tersebut, PMKS adalah entiti berasaskan keuntungan yang mempunyai jumlah aset tidak melebihi KRW500 bilion. Perniagaan mereka juga mesti memenuhi kriteria kebebasan beroperasi, iaitu tidak boleh menjadi anak syarikat kepada syarikat korporat yang lebih besar. Menariknya, definisi ini boleh meliputi perusahaan sosial dan koperasi, sekiranya mereka memenuhi syarat tersebut. Pengelasan PMKS ditentukan oleh purata hasil mereka dalam tempoh tiga tahun, dengan ambang yang berbeza diaplikasikan mengikut industri perniagaan tersebut beroperasi. Pendekatan ini mencerminkan tumpuan terhadap prestasi kewangan dan kebebasan beroperasi, disesuaikan dengan kepelbagaiannya landscap firma di Republik Korea. Pada tahun 2023, PMKS merangkumi 99.9% daripada keseluruhan firma di negara itu dan menyumbang dengan ketara sebanyak 46.8% kepada ekonomi<sup>[4]</sup>.

**Carta 1.2:** Sumbangan PMKS Republik Korea kepada Ekonomi Negara pada Tahun 2023




Sumber: Kementerian PKS dan Firma pada Peringkat Permulaan

Dalam sektor luaran, PMKS di negara ini mencatatkan eksport berjumlah USD111.8 bilion, mewakili 39.3% daripada jumlah keseluruhan eksport negara<sup>[5]</sup>. Hal ini menandakan kemerosotan sebanyak 2.3% berbanding tahun sebelumnya, meneruskan trend penurunan tahunan berturut-turut daripada penguncutan 0.9% yang dicatatkan pada tahun 2022, seperti yang dilaporkan oleh Kementerian PKS dan Firma pada Peringkat Permulaan. Prestasi eksport yang memberangsangkan dipacu terutamanya oleh industri kosmetik dan automobil, yang mengalami kadar pertumbuhan dua digit yang ketara iaitu masing-masing sebanyak 20.2% dan 57.4%. Kedua-dua industri ini muncul sebagai dua penyumbang tertinggi kepada eksport PMKS, lantas mengimbangi penurunan dalam landscap eksport PMKS sepanjang tahun tersebut. Meskipun nilai eksport menurun, bilangan pengekspor PMKS telah meningkat sebanyak 2.4% untuk mencapai jumlah keseluruhan 94,635 firma.

Memberi tumpuan kepada pasaran pekerja, PMKS di Republik Korea memainkan peranan penting dalam mata pencarian warganya memandangkan mereka menggaji lebih daripada 18 juta pekerja. Tenaga kerja yang besar ini mewakili kira-kira 80.5% daripada jumlah guna tenaga di seluruh negara. Taburan guna





tenaga mengikut saiz perniagaan menunjukkan peranan ketara perusahaan mikro yang menyumbang sebanyak 44.6% kepada jumlah tenaga kerja, dengan seramai 10 juta pekerja yang digaji. Angka yang memberangsangkan ini menekankan kedudukan dominan mereka dalam guna tenaga, turut mengatasi sumbangan syarikat besar yang hanya menyumbang 19.5% kepada jumlah guna tenaga. Sementara itu, firma kecil menggaji sekitar 3.98 juta pekerja (17.8% daripada jumlah tenaga kerja) manakala firma sederhana menggaji sekitar 4.05 juta pekerja (18.1% daripada jumlah tenaga kerja), dengan kedua-duanya juga memberi sumbangan yang ketara kepada pasaran pekerja negara ini.




### Prestasi PMKS di Thailand

Seperti Malaysia, Thailand juga mendefinisikan PMKS berdasarkan kriteria berkaitan hasil tahunan dan guna tenaga, memastikan perniagaan yang memenuhi kriteria tertentu dikategorikan secara konsisten bagi tujuan dasar dan sokongan. Firma dalam sektor pembuatan merupakan PMKS jika mereka mempunyai pendapatan tahunan tidak melebihi THB500 juta dan maksimum 200 pekerja, manakala firma dalam sektor perkhidmatan & perdagangan merupakan PMKS sekiranya pendapatan tahunan tidak melebihi THB300 juta dan mempunyai maksimum 100 pekerja.

Memberi fokus kepada profil, PMKS di Thailand terdiri daripada 3.2 juta firma yang membentuk majoriti 99.5% daripada keseluruhan pertubuhan di negara itu pada tahun 2023<sup>[6]</sup>. PMKS di Thailand berkembang sebanyak 1.2% atau peningkatan sebanyak 38,365 PMKS berbanding tahun 2022. Dalam segmen ini, perusahaan mikro mendominasi dengan meliputi bahagian terbesar dalam segmen PMKS sebanyak 84.9% iaitu berjumlah 2.7 juta PMKS. Sementara itu, bilangan firma bersaiz kecil mencatatkan jumlah 439,058 PMKS (13.6%) dan firma bersaiz sederhana sebanyak 47,155 PMKS (1.5%). Taburan sektor menunjukkan bahawa sebanyak 41.7% PMKS terlibat dalam aktiviti perdagangan, 40.4% dalam perkhidmatan, 16.0% dalam sektor pembuatan dan baki 1.8% dalam perniagaan tani.

Memberi fokus kepada profil, PMKS di Thailand terdiri daripada 3.2 juta firma yang membentuk majoriti 99.5% daripada keseluruhan pertubuhan di negara itu pada tahun 2023<sup>[6]</sup>. PMKS di Thailand berkembang sebanyak 1.2% atau peningkatan sebanyak 38,365 PMKS berbanding tahun 2022.



**Jadual 1.2:** Bilangan PMKS dan KDNK PMKS mengikut Saiz Perniagaan pada Tahun 2023

	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah
Bilangan Firma	2,739,530	439,058	47,155	3,225,743
Sumbangan kepada Jumlah PMKS (%)	84.9	13.6	1.5	100.0
KDNK PMKS (USD juta)	14,313.50	72,461.61	94,753.07	181,528.18
Sumbangan kepada Jumlah KDNK (%)	2.8	14.0	18.4	35.2

Sumber: Office of SMEs Promotion (OSMEP)

Meneliti prestasi PMKS di Thailand pada tahun 2023, perusahaan ini terus memberikan impak yang ketara kepada ekonomi negara, menyumbang sebanyak 35.2% kepada KDNK Thailand dan menjana output nilai ditambah sebanyak USD181.5 bilion. Dari segi komposisi, firma bersaiz sederhana memberikan sumbangan paling besar kepada KDNK Thailand, menyumbang sebanyak 18.4%, diikuti oleh firma bersaiz kecil dengan sumbangan 14.0%, manakala sumbangan terendah kepada KDNK keseluruhan Thailand adalah oleh perusahaan mikro sebanyak 2.8%.